

Selita Brunei



T.B.P., K.B.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DUA KALI SA-BULAN

Tahun 3 No. 14

1hbl Sept, 1958

SULTAN SELANGOR di-Brunei

DULI YANG MAHA MULIA Sultan Negeri Selangor di-jangka akan ti- ba di-Brunei kerana menghadziri peraya'an2 Negeri yang akan berlangsung pada penghujung bulan ini pada 16hbl akan datang.

Baginda akan menompangi kapal M.V. "Kimanis" dari Singapura ke-Labuan dan akan di-sambut dengan kapal Kerajaan Brunei satiba baginda di-Labuan, dan terus di-bawa ka-Brunei hari itu juga.

Satiba baginda nanti di-tambatan kapal di-Bandar Brunei akan di-sambut oleh DYMM Maulana Sultan Brunei, di-mana satu barisan kehormatan akan bersedia. Baginda Sultan Selangor itu akan momoreksa barisan kehormatan dan sabelum itu akan menerima Royal Salute.

Kerana istiadat tersebut, semua Ahli Majlis Mashuarat Negeri di-kehendaki hadzir bagitu pun Ketua2 pejabat, ketua2 kaum dan Ahli2 Brunei Administrative Service ada-lah di-minta hadzir bersama untuk di-kenalkan oleh Tuan British Resident kapada baginda.

Pakaian2 istiadat hendak-lah di-pakai.

ANTARA ISI2-NYA

- ① Tutong menghantar Wakil ka-Brunei.
- ② Peraduan Lukisan.
- ③ Peraduan Perarakan2 dan Berchuchul.
- ④ BR menyampaikan sijil2.
- ⑤ Jalan Raya di-Brunei mendapat perhatian dunia.
- ⑥ Pemangku P. Resident Melayu.
- ⑦ Guru2 P. Pinang di-Brunei
- ⑧ Ka-United Kingdom
- ⑨ Penuntut2 Ugama di-polawa dll.

HARI KEPUTERA'AN DYMM

23hbl Sept.

ISTIADAT BERKHATAN

24hbl Sept.

PEMBUKA'AN MESJID

26hbl Sept.

JAWATAN KUASA PERAYA'AN :
TUTONG MENYAMBUT HARI KELAHIRAN

Khas kerana memperbinchangkan so'al mengenai sambutan Hari Keputera'an DYMM Sultan peraya'an-nya akan di-langsangkan pada 23hb1 September akan datang ini. Perkumpulan terdiri dari penghulu2, orang2 yang Bergelar, ketua2 kampong, dan ketua2 pejabat seramai 34 orang.

Keputusan perkumpulan salain dari melantek Ahli2 Jawatan Kuasa, juga menentukan para wakil dari Tutong yang akan menghadiri istiadat di-Lapau penyerahaan surat2 uchapan kerana sambutan puja umor. Di-tentukan juga pengarang surat uchapan yang akan di-serahkan itu.

Wakil2 yang telah di-pilih dalam persidangan itu ia-lah; wakil penghulu dan orang2 bergelar - Dato Setia Diraja Haji Mohd Yussuf, wakil bagi orang2 ramai - Tuan Haji Abu Bakar bin Jambul, wakil dari ahli2 Jawatan Kuasa - Orang Kaya Setia Negara Md Safar bin Md Salleh. Yang akan mengarang surat uchapan itu ia-lah Che' Abd Manan bin Mohammad.

PERADUAN LUKISAN HARI KEPUTERA'AN MASOKI-LAI BEBERAPA PERADUAN

Kerana menyambut Hari Keputera'an DYMM Sultan tahun ini satu peraduan lukisan akan di-adakan terbuka kepada seluruh Negeri Brunei.

Peraduan ini di-tutup pada 10 hbl September akan datang ini.

Peraduan ini di-bahagi kepada dua bahagian ia-itu untuk budak2 sekolah dan orang2 dewasa atau kedua-nya.

Lukisan pemandangan dengan ukuran 15X18 inchi, orang2 termasuklah 12X16 inchi dan lukisan buah buahan dan lukisan yang mengikisahkan kemakmoran dan perkembangan Negeri Brunei dengan ukuran 20X24 inchi.

Lukisan yang di-buka kapada budak2 sekolah sahaja ia-lah. Lukisan buah2en atau bunga2 di-lukis dari kapor warna.

Satu perkumpulan antara anak2 Kampong di-Tutong telah berlangsung baharu2 ini khas kerana memperbinchangkan so'al mengenai sambutan Hari Keputera'an DYMM Sultan peraya'an-nya akan di-langsangkan pada 23hb1 September akan datang ini. Perkumpulan terdiri dari penghulu2, orang2 yang Bergelar, ketua2 kampong, dan ketua2 pejabat seramai 34 orang.

Sabagaimana sambutan tahun2 yang lalu atas merayakan Hari Keputera'an. Sultan maka tahun ini peraya'an akan bertambah2 lagi semarak-nya kebetulan berikut dengan istiadat berkhatan Diraja dan pembuka'an Mesjid Baru yang akan di-namakan Mesjid Omar Ali Saifuddin, Brunei.

Kerana-nya beberapa peraduan di-adakan dan di-anjorkan oleh beberapa Jawatan Kuasa.

Untuk memasuki apa jujenis peraduan atau pertandingan maka boleh-lah membuat sabarang perhubungan dengan Jawatan Kuasa yang berkenaan.

- perhatikan-lah di-muka lain -

B.R. MENYAMPAIKAN SIJIL2 KELULUSAN DAN PIALA PERAK DI-S.O.A.S.

Tuan D.C. White, British Resident Brunei telah menyampaikan sijil2 kelulusan pepereksa'an School Certificate dan Royal Society of Arts bertempat di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin istiadat di-langsungkan pada 20hb1 August, 1958 yang baharu lalu ini. Dalam istiadat itu juga Tuan White telah menyampaikan satu hadiah piala perak, piala ini kepunya'an-nya sendiri apa yang di-gelarkan-nya Cock House Cup untuk rumah yang terbaik sakali dalam lapangan sukan. Piala ini telah di-rebut oleh Rumah Maharaja Lela, ia-itu rumah yang mendapat markah yang tertinggi sakali mendapat markah dalam permainan2 Hockey, Bola Sepak, Rugby, dan Lomba Lari "Cross Country" pada tahun 1957.

Tuan White telah di-iringi oleh Pegawai Pelajaran Negeri, Mr H.J. Padmore.

Sijil2 kelulusan School Certificate telah di-sampaikan kepada 7 orang bekas penuntut di-sana yang telah lulus tahun lalu dan sijil2 Royal Society of Arts kapada 97 orang penuntut2 lelaki dan perempuan di-Maktab SOAS.

BERLANGSONG-NYA PERTUNJOKAN TANAM2MAN: SAMBUTAN AMAT MERIAH

Telah berlangsung pada 22hb1 yang lalu pertunjukan Tanam2an bertempat di-Sekolah Melayu SMJA di-Bandar Brunei. Tamasha ini telah di-hadziri oleh ramai para penggemar dan penyaksi, antara lain tetamu agong ia-lah Duli Yang Maha Mulia Sultan sendiri siapa yang membuka resmi-kan tamasha tersebut mengganti-kan tempat Raja Isteri tidak dapat hadzir di-sebabkan sas-atu perkara yang tidak dapat di-elakkan.

Sambutan tahun ini jauh le-beh ramai dari yang sudah2, bagitu pun perkara2 yang di-tunjukkan meliputi berbagai2 chorak pertunjukan termasuk berbagai2 pertukangan tangan dan lain-nya usaha tempatan.

Salesai sahaja menyampaikan sijil2 dan piala perak tersebut Tuan White telah menguchapkan sattinggi tahniah kapada semua yang berjaya dan menggalakkan penuntut2 yang lain supaya berusaha bersung-goh2 bagi kejaya'an menchapai kelulusan.

Antara lain Tuan White lagi me-ngatakan bahawa Murid2 hendak-lah selalu menggunakan masa kapada yang berfa'edah dan tegas-nya Ke-raja'an Negeri Brunei sangat2 ber-harapkan dan berkehendakkan tenaga tenaga mereka yang ada di-bangku sekolah masa ini untuk masa hada-pan.

Tuan White menegaskan bahawa nama baik Maktab itu harus-lah di-jaga kerana ia-nya ada-lah sa-buah sekolah yang terbaik sakali di-Tenggara Asia ini, kata-nya. Menjaga nama baik itu ada-lah deng-an kerjasama dari penuntut2.

PERADUAN2 BERARAK DAN BERCHUCHUL

Pe aduan2 di-bawah ia-lah un-
tok menyambut Hari Keputera'an
Sultan tahun ini:

1. Pe aduan Kereta2 Berhias

- a) panjang - 22 kaki
- lebar - 8'kaki
- tinggi - 11 kaki
- b) tidak ada chogan kata
(tidak di-benarkan)
- c) mesti bersedia di-simpang

Jalan Istana di-Jalan Tu-
tong tidak lewat dari jam
2.45 petang 25hbl Sept.

- d) Jalan2 yang akan di-lalui ia-lah - melimpasi Istana, turun balek dan menunggu di-simpang Jalan Istana/Tutong dan kemudian mengikut Perarakan Diraja mela-lui Jalan2 Tutong, Sultan, Chevalier, Cator, McAthur, Pretty, Stoney dan Jalan Tutong terus balek ka-Istana.

2. Perarakan Tanglong Jalan Kaki Orang Dewasa

- a) Satu pasukan 20 orang.
- b) jangan membawa chogan kata
- c) tanglong2 hanya akan di-pasang api-nya apabila di-perentahkan.
- d) peserta hendak-lah menunggu di-kawasan Taman Hiburan Kanak2 di-Jalan Stoney lewat tidak/dari jam 7.00 malam 26hbl September.
- e) jalan2 di-lalui ia-lah - Jalan2 Stoney, Tutong, Sultan, McAthur, Roberts, Chevalier, Pemancha, Elizabeth II dan bersurai di-hadapan Police Barraks.

BAYARAN AYER DI-SELUROH BRUNEI

Di-bawah kita chatatkan baya-ran ayer yang di-gunakan di-selu-roh Negeri Brunei:

Ayer yang sudah di-bersehkan harga tiap2 1,000 gilin - bagi rumah2 50 sen, hotel2 dan kedai2 kopi 75 sen, Perusaha'an rengan \$1.50, kapal2 \$2.00 dan kapala2 paip di-jalan2 raya tidak ber-bayar.

Ayer yang belum di-bersehkan bagi rumah2 yang mempunyai sa-hingga dan termasok 2 kapala paip \$1.00 pada satu bulan. Ru-mah2 yang mempunyai sahingga dan termasok 4 kapala paip \$2.00 pa-dar sa-bulan, yang mempunyai sah-ingga dan termasok 8 kapala paip \$4.00 sa-bulan, 12 kapala paip \$6.00 sa-bulan dan lebeh dari 12 kapala paip \$8.00 pada sa-bulan.

3. Perarakan Tanglong Jalan Kaki Sekolah2

- a) satu pasukan 70 orang.
- b) sharat2-nya sama saperti dalam bahagian (2).

4. Peraduan Berchuchul Api Lit-rik bagi rumah2, kedai2 di-darat dan Bangunan Sharikat2 Perniaga'an

- a) berchuchul mulai dari 23 hingga 27hbl September dan boleh-lah di-nyalakan api-nya mulai jam 7.00 malam.
- b) penghakiman di-mulakan dari jam 7.00 malam dan ta-rikh-nya tidak di-umumkan.
- c) Chogan kata tidak di-benar kan menjadi perhiasan da-lam pertandingan dan boleh-lah di-sesuaikan warna-nya mengikut kesuka'an sendiri.

PEMBENTANGAN JALANRAYA DI-BRUNEI MENDAPAT PERHATIAN BESAR DUNIA

Dunia luar sedang menumpukan pemerhatian yang besar kepada Negeri Brunei dalam jurusan chara Brunei membina jalan2 raya di-lakukan sachara besar2an dan dapat pula di-lancharkan dengan baik.

Sadikit masa yang lampau Ketua Jurutera Negeri Brunei telah menerima satu jemputan supaya ia-nya membuat penyata2 berkenaan dengan pembina'an jalan2 raya di-Negeri Brunei. Ini telah dapat di-lakukan oleh beliau itu dengan baik dan satu dari penyata2 tersebut telah mendapat tempat di-siarkan oleh sa-buah pusat Penyiasatan Ilmu Science dan Perusahaan di-England dan sa-buah lagi penyata itu telah di-bachakan oleh sa-orang Pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya Brunei, Mr Causby dalam satu persidangan mengenai masa'alah Civil Engineering di-England pada bulan June yang lalu.

Salain dari itu, menurut Ketua Jurutera Negeri, pejabatnya juga ada berkebolehan merangka satu bentuk rumah yang sekarang sedang dalam pembina'an berdekatan dengan Lapangan Kapal Terbang Brunei di-Berakas.

Bangunan tersebut ia-lah hasil dari lukisan dari sa-orang Akitik Borneo British - Brunei, Sarawak dari Jabatan Kerja Raya. Bangunan wak dan Borneo Utara dalam mem ini berjumlah sabanyak 8 buah, dan perbinchangkan hal mengenai kesemua-nya di-bentuk dalam menu-rut kemodernan. Demikian kita telah di-fahamkan.

Orang ramai ada-lah di-jemput boleh-lah datang melawat ka-tempat bangunan2 itu sedang di-bena. Di-sini dapat-lah nanti jelas boleh di-lehat bagaimana chara satu bangunan yang berbentuk modern di-bena dan sedang di-kerjakan.

PEMANGKU PENOLONG RESIDENT

Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar Ali, Pegawai Daerah Belait telah di-lantek menjadi Pemangku Penolong Resident Belait salain dari jawatan2-nya yang lain.

Lantekan ini di-lakukan buat menggantikan sam-entara jawatan Tuan Ans-worth siapa yang telah balek berchuti ka-United Kingdom pada 29hb1 August yang lalu.

DI-PERSIDANGAN KERJARAYA -

Tuan G.T. Myles, Pegawai Jurutera Kerjaraya Negeri, di-jangka akan bertolak ka-Kuching Sarawak besok dengan kapal terbang kerana menghadziri persidangan yang julung2 kali di-

lakukan antara ketiga Daerah Borneo British - Brunei, Sarawak dan Borneo Utara dalam mem ini berjumlah sabanyak 8 buah, dan perbinchangkan hal mengenai kesemua-nya di-bentuk dalam menu-rut kemodernan. Demikian kita telah di-fahamkan.

Persidangan ini akan mula di-jalarkan pada hari lusa hingga ka-hari Juma'at 5hb1 September, 1958. Perkara yang akan di-binchangkan nanti dibahagi kepada tiga bahagian, ia-itu dalam mengenai so'al pentadberan, masalah2 teknik bersambong ka-muka 7 -

KELAPASAN AWAM DI-NEGERI BRUNEI
Bulan September;

Kelapan kerana Chuti Mandi Safar pada 10hb1, kerana peraya'an Hari Keputera'an Sultan pada 23hb1 dan Chuti Maulud pada 25hb1 September.

MENDAPAT PINGAT KERANA KARANGAN TERBAIK

Pemangku Ketua Jurutera Jalan Raya Negeri Brunei, Mr B. Bond telah di-anugerahkan satu pingat apa yang di-namakan Pingat George Taylor dari Keraja'an Australia.

Pingat tersebut di-berikan kerana kejaya'an-nya mengarang satu karangan yang mengenai "bitumen" dan keguna'an2-nya. Karangan itu di-kira yang terbaik sakali tahun ini. Demikian kita di-fahamkan.

Pingat tersebut di-hadiahkan pada tiap2 tahun kepada penulis yang terbaik sakali berhubong dengan hal ehwal tiknik yang di-siar kan di-Negeri Australia dan ini sangat2 di-perhargakan oleh Jurutera2 Australia.

PEGAWAI SUKAT NEGERI

Tuan M.J. Hurley telah di-lantek menjadi Pegawai Sukat, Negeri mulai bertugas pada 19hb1 August yang lalu.

Mulai dari tarikh itu juga Tuan R. Gwilliam tidak lagi memegang jawatan-nya sebagai Pegawai Sukat, Negeri di-Brunei.

Tuan Gwilliam siap telah di-pinjam dari Keraja'an Sarawak, sekarang telah balek ka-Kuching bertugas di-sana.

GURU-GURU P. PINANG MELAWAT LOMBONG MINYAK DI-SERIA

Satu rombongan guru2 dari Maktab Latehan Guru2 di-Puluau Pinang telah tiba di-Bandar Brunei pada 27hb1 yang lalu dalam perjalanan mereka ka-Seria kerana akan melawat ka-sana melehat2 Padang Minyak Brunei. Meraka itu berbilang seramai 7 orang.

Mereka telah terbang ka-Seria hari itu juga dengan kapal terbang B.S.P. dan sa-terus-nya akan melangsangkan lawatan mereka ka-Miri dan Lutong.

8 ORANG KA-UNITED KINGDOM

Lapan orang anak2 Brunei sa-orang daripada-nya wanita di-jangka akan bertolek ka-United Kingdom sabelom pertengahan bulan ini kerana melanjutkan pelajaran mereka di-sana atas perbelanja'an Keraja'an Brunei.

Kesemua mereka ini telah pun lulus dalam peperiksa'an School Certificate pada ta-hun lalu dan sekarang menjawat jawatan2 di-pejabat2 Ke-raja'an di-Bandar Brunei.

Mereka ini ia-lah A. Aziz, Ali Daud, Hassan H. Yusuf, Zakaria Sulaiman, Rosli bin Omar, A. Jaya Abdul Latif, Adenan bin Haji Abu Bakar dan Che' Jusnani binte La-wie.

Rosli dan Jaya telah ber-peperiksa di-Singapura manakala Adenan di-Kuching, Sarawak.

MEMPELAWA PENUNTUT2 UGAMA (BRUNEI) DI-PERSEKUTUAN

Badan Penerangan Ugama Islam di-Brunei ada-lah mempelawa Pegawai2 Mesjid, Kadzi2, Guru2 Ugama dan penuntut2 Brunei yang sekarang sedang menuntut di-sekolah2 Ugama di-Singapura dan Malaya bagi membuat sharahan2 yang mengenai dalam hal Ugama.

Sharahan2 tersebut nanti akan di-sharahkan oleh badan tersebut di-kampong2 dan di-mana saja yang di-fikirkan menasebah. Sharahan2 hendak-lah berukor kira2 mengambil masa tidak kurang dari 20 minit jika di-sharahkan. Tiap2 kali sharahan2 itu di-gunakan akan di-keluarkan suguhati sabanyak \$15.00 dan tiap2 satu sharahan mahu-lah di-buat 2 salinan.

X - sambongan dari muka 5 -

yang termasuk latehan para pegawai di-jabatan tersebut dan masalah2 kerja dalam beberapa bahagian.

Persidangan akan di-buka dengan resmi-nya oleh Tuan Gobernor Sarawak.

Wakil2 yang akan ikut sama bersidang dari Brunei ia-lah Tuan Myles, dari Borneo Utara Tuan L. Jackson, Pengarah Jabatan Kerjaraya Borneo Utara. Dari Sarawak yang akan turut serta sa-lai dari Tuan Gobernor sendiri ia-lah Tuan A.R. Snelus, Pemangku Ketua Setia Usaha, Tuan B.A. Hepburn, Setia Usaha Kewangan dan Tuan A.R.G. Morrison, Peman-gku Setia Usaha Perkembangan.

-ooo O oo--

Sharahan hendak-lah di-kirim kepada Badan Penapis Sharahan2 tersebut melalui Setia Usaha-nya Pehin Bendahara Mohammad Taha di-Pejabat Kerjaraya, Bandar Brunei dan hendak-lah sampai kapada-nya tidak lewat dari 10hbl September akan datang ini.

Mana2 sharahan yang terpilih akan di-serahkan kepada penulis-nya dan di-minta ia sendiri membachakan. Bayaran yang sama akan juga di-keluarkan kapada sharahan yang di-bachakan kali yang kedua oleh penulis itu sendiri.

Semua sharahan2 yang di-terima akan menjadi milik Badan Penerangan ini.

RANCHANGAN WAYANG GAMBAR BANDAR BRUNEI UNTUK BULAN SEPTEMBER

Oleh kerens bulan ini persya'an2 sachar besar2an akan di-edarkan maka ranchangan tayangan wayang gambar bagi melayani di-kampong2 dan di-mana2 jus ada-leh tersekut dan hanya akan dapat dilakukan pada sepanjang awal bulan.

Pada 1hbl di-OKSB, Kulanas; 2hbl di-Kampong Pengeren Siraja Muda, Brunei; 3hbl di-Sekolah Melayu Lela Menchanai, Brunei; 4hbl di-Sekolah Melayu Lemunin; 6hbl di-kawasan Rumah Sakit, Brunei; 8hbl di-Sekolah Melayu Senut; 11hbl di-Sekolah Melayu Berakas; 13hbl di-Kampong Sungai Kuyok, Brunei dan pada akhir bulan pada 29hbl di-kawasan Penjara Jerudong.

MENGHADZIRI PERSIDANGAN C.P.A.

Tiga orang wakil dari Brunei telah bertolak ka-Jesselton, Borneo Utara kerana menghadziri Persidangan Persekutuan Parlimen Commonwealth kali yang ke'enam pada 29hb1 Agust yang lalu.

Persidangan di-adakan di-Kota Belud dan di-Sandakan.

Wakil2 Brunei ia-lah Tuan2 Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri, Orang Kaya Shahbandar dan Pengerau Mohammad Yusuf.

Kesemua wakil2 Persekutuan Parliamen Commonwealth (C.P.A.) telah di-bahagi kepada dua bahagian atau dua pasukan. Sa-pasukan dari itu pergi ka-Sandakan dan yang satu lagi ka-Kota Belud.

Kedua2 pasukan balek ka-Jesselton pada hari itu juga di-mana segala wakil telah di-jamu dengan Cocktail party.

Wakil2 Brunei akan balek ka-mari besok.

BOWDEN 2 TAHUN DI-BORNEO

Miss Gweneth Bowden, Commisioner Pandu Putera bangsa Scot telah meninggalkan Great Britain dalam perjalanan-nya ka-Borneo pada 18hb1 August yang lalu. Beliau akan berada di-Borneo selama 2 tahun dan selama itu beliau akan menggunakan masa-nya penoh dalam melateh dalam hal Pandu Puteri.

Miss Bowden akan berganti2 bertugas di-Sarawak, Brunei dan Borneo Utara.

Miss Bowden telah beberapa tahun mengalami dalam hal ch-wal Pandu Puteri dan telah menjadi Commisioner dan Pe-lateh. Beliau juga telah mendapat kelulusan dalam Kursus Urusan Rumah Tangga bagi sa-orang guru.

Beliau di-jangka tiba di-Kuching, Sarawak pada 17hb1 Septembor akan datang ini.


ORANG2 YANG AKAN NAIK HAJI TAHUN HADAPAN DI-MINTA MENDAFTARKAN

Kapada seluroh Umat Islam dalam Negeri Brunei ada-lah di-mak-lomkan bahawa sesiapa yang hendak pergi Naik Haji pada tahun hadapan di-minta mendaftarkan nama2-nya mulai sekarang.

Ini akan menyenangkan Pengusaha Haji di-Persekutuan Tanah Melayu bagi membuat jadual2 pelayaran kapal Haji.

Mendaftarkan nama jangan-lah lewat dari 1hbl November tahun ini. Borang2 permohonan kerana ini boleh-lah minta dari Pejabat Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Musharakat Negeri, Brunei.

Penerangan lanjut juga bolch di-dapat dari pejabat tersebut.



Jumlah penoh wang kertas yang dalam edaran pada 1hbl August, 1958 ia-lah \$918,673,218.20.

